

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan permohonan bantuan JKM yang diluluskan dan ditolak mengikut pecahan kawasan Parlimen, jenis bantuan, kategori umur, agama , jantina, sebab permohonan ditolak atau diberhentikan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menguruskan perkhidmatan bantuan kebajikan kepada pelbagai kumpulan sasar termasuk kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan keluarga kurang berkemampuan. Kementerian komited untuk memastikan perkhidmatan bantuan diberikan kepada kumpulan sasar dengan cepat dan berkesan.

Setiap permohonan baru dengan dokumen lengkap yang diterima akan terus diproses dan diberikan keputusan kepada pemohon. Bagi bilangan pengurusan permohonan baru seluruh negeri **sehingga Jun 2016**, sejumlah **64,517** permohonan yang telah diterima. Daripada jumlah tersebut sejumlah **40,662** permohonan telah diluluskan dan sejumlah **23,855** telah ditolak. Pecahan pengurusan permohonan bantuan mengikut jumlah terbanyak dalam kedudukan lima (5) negeri teratas adalah seperti berikut iaitu:

- 1) **Negeri Selangor**, jumlah permohonan baru yang diterima adalah sebanyak 7,713 permohonan dimana sebanyak 4,979 permohonan diluluskan manakala sebanyak 2,734 ditolak .
- 2) **Negeri Kedah**, jumlah permohonan baru yang diterima adalah sebanyak 7,075 permohonan dimana sebanyak 4,611 permohonan diluluskan manakala sebanyak 2,464 ditolak.
- 3) **Negeri Johor**, jumlah permohonan baru yang diterima adalah sebanyak 7,046 permohonan dimana sebanyak 4,816 permohonan diluluskan manakala sebanyak 2,230 ditolak.
- 4) **Negeri Sarawak**, jumlah permohonan baru yang diterima adalah sebanyak 6,365 permohonan dimana sebanyak 3,405 permohonan diluluskan manakala sebanyak 2,960 ditolak.
- 5) **Negeri Kelantan**, jumlah permohonan baru yang diterima adalah sebanyak 6,395 permohonan dimana sebanyak 4,264 permohonan diluluskan manakala sebanyak 2,131 ditolak.

Manakala permohonan bantuan yang paling sedikit diterima adalah dari Wilayah Persekutuan Labuan iaitu hanya sebanyak 88 permohonan baru yang diterima, di mana sebanyak 65 permohonan diluluskan manakala sebanyak 23 ditolak.

Antara sebab sesuatu permohonan bantuan itu **ditolak** adalah berdasarkan kepada syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan seperti:

- 1) Bukan warganegara Malaysia;
- 2) Pendapatan keluarga yang melebihi had kelayakan menerima bantuan dari JKM;
- 3) Mempunyai harta yang mengeluarkan hasil / sumber kewangan sampingan seperti pencen dan lain-lain pendapatan;
- 4) Mempunyai anak yang telah dewasa dan bekerja serta mampu memberi sumbangan / menyara kehidupan.

Manakala antara faktor yang menyebabkan bantuan kebajikan **diberhentikan** adalah seperti berikut:

- 1) Peningkatan tahap sosio ekonomi serta mampu berdikari;
- 2) Penerima bantuan meninggal dunia;
- 3) Penerima kini tinggal bersama anak yang mampu menanggung perbelanjaan keluarga;
- 4) Bagi skim Bantuan Kanak-kanak, anak terbabit telah melepasi umur 18 tahun;
- 5) Bagi skim Elaun Pekerja Cacat, pendapatan OKU tersebut telah melebihi RM1,200.00 sebulan;

- 6) Bagi skim Bantuan Orang Tua, bantuan boleh ditamatkan jika hasil dari kajian semula yang dijalankan mendapati mereka mempunyai anak-anak yang berkemampuan untuk menyara dan menanggung keperluan mereka.

Namun begitu, sekiranya sesuatu permohonan itu ditolak atau diberhentikan pihak Jabatan masih memberi peluang untuk membuat rayuan dan akan mempertimbangkan dengan sewajarnya. Secara amnya, bantuan kebajikan yang diberikan adalah bersifat sementara atau perkhidmatan berbentuk transit. Bantuan ini merupakan satu bentuk saraan hidup bagi membantu kumpulan sasaran yang memerlukan meneruskan kelangsungan hidup.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
TARIKH : 27.10.2016
SOALAN : NO. 19

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah peminjam PTPTN yang tidak pernah membuat bayaran balik serta jumlah pinjaman tertunggak yang terkumpul setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Ogos 2016 seramai 1,917,033 peminjam telah tamat pengajian dan sepatutnya membuat bayaran balik melibatkan amaun yang patut dikutip sebanyak RM18,311.02 juta. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,163,975 peminjam telah membuat bayaran balik dengan jumlah kutipan terkumpul sebanyak RM9,600.54 juta. Walau bagaimanapun, daripada jumlah keseluruhan yang patut kutip tersebut, sebanyak RM8,710.48 juta masih lagi tertunggak dan belum dapat dikutip. Daripada jumlah tunggakan berkenaan, sebanyak RM5,191.71 juta adalah tunggakan daripada seramai 753,058 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik, manakala RM3,518.78 juta lagi adalah tunggakan daripada peminjam yang sedang membuat bayaran balik.

PTPTN sentiasa berusaha memberi perkhidmatan terbaik dalam membantu peminjam melaksanakan bayaran balik pinjaman. Pelbagai tindakan telah dilaksanakan, antaranya seperti berikut:

- a) Menyertai pameran atau program taklimat dengan membuka kaunter penerangan bayaran balik.
- b) Menyediakan pelbagai saluran dan kemudahan bayaran balik pinjaman melalui kaunter dan perbankan internet.

- c) Menubuhkan 74 cawangan pejabat PTPTN di seluruh negeri bagi memudahkan rundingan dan bayaran balik pinjaman.
- d) Melaksanakan penstrukturan semula pinjaman mengikut kemampuan bayaran balik sehingga umur 60 tahun.
- e) Mengeluarkan notis tuntutan kepada semua peminjam yang telah tamat tempoh pinjaman dan akan memulakan bayaran balik.
- f) Mengeluarkan surat peringatan kepada peminjam yang ingkar membuat bayaran balik atau memberikan maklumbalas.
- g) Mengeluarkan surat tuntutan tunggakan bayaran kepada peminjam yang tidak membuat bayaran mengikut jadual bayaran balik.